

06/07/2002

Malaysia tidak kompromi isu harga air

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia tidak akan berkompromi dalam isu penyemakan harga air ke Singapura kerana Perjanjian Air 1961 dan 1962 memberi hak mutlak kepada negara ini membuat kajian semula selepas tempoh 25 tahun.

Justeru, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata notis membabitkan perkara berkenaan serta cadangan mengadakan satu perjanjian baru selepas 2061, sudah diberi kepada Singapura dan sekarang terserah pada republik itu membuat keputusan muktamad.

"Dalam hal ini kami tidak akan berkompromi. Kita akan ke Singapura dengan membawa dua perkara, pertama dengan formula awal yang kita akan pinda sedikit dan kita akan guna formula baru; kedua, perjanjian baru untuk menggantikan perjanjian yang akan berakhir pada 2061.

"Selepas 2061, jika Singapura tidak mahu mengadakan perjanjian baru, kita tidak menghadapi masalah... terserah pada mereka. Kalau mereka tidak bersetuju (untuk membeli air Malaysia) itu hak mereka.

"Kita hendak menggunakan hak kita untuk menyemak harga air pada 1961 dan 1962 kerana peruntukan 25 tahun yang membolehkan kita menyemak semula harga air itu sudah terbit.

"Persoalan sama ada kita atau Singapura akan menandatangani perjanjian baru selepas 2061 nanti, tidak patut disentuh dan dikaitkan," tegasnya.

Malaysia berpegang kepada peruntukan artikel 17 dan 14 dari Perjanjian 1961 dan 1962, yang membenarkan kedua-dua pihak mengadakan kajian semula selepas tempoh 25 tahun - iaitu pada 1986 dan 1987.

Mengikut Perjanjian 1961 dan 1962, Singapura akan membeli air mentah dari Johor pada harga tiga sen setiap 3,000 gelen, manakala Malaysia pula akan membeli semula air dirawat dari Singapura pada harga 50 sen setiap 1,000 gelen.

Perjanjian 1961 membabitkan bekalan air mentah ke Singapura dari kawasan tadahan di Sungai Pulai, Sungai Skudai dan Sungai Tebrau, tanpa had.

Perjanjian 1962 pula memberi Singapura hak eksklusif untuk mengambil air mentah dari Sungai Johor sehingga maksimum 250 juta gelen sehari pada harga yang sama iaitu tiga sen setiap 3,000 gelen.

Masalah harga air turut mendapat perhatian Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, yang turut berada di Kuala Lumpur September tahun lalu, bagi mengadakan rundingan khusus dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Permintaan Kuan Yew ketika itu ialah Malaysia menjual air mentah pada harga 45 sen setiap 4,540 liter mulai 2002 hingga 2061, dan 60 sen selepas itu dan akan dikaji semula setiap lima tahun.

Bagaimanapun, permintaan itu tidak dipersetujui Malaysia yang mahukan republik itu membayar 60 sen dari 2002 hingga 2007, dan dinaikkan kepada RM3 sehingga 2011 dan akan menetapkan satu struktur baru selepas itu sehingga 2061.

Isu air tercetus sekali lagi awal minggu ini apabila Mesyuarat Peringkat Menteri Luar yang kali pertama diadakan, berikutan kegagalan mesyuarat peringkat pegawai mencapai kata sepakat, turut menyaksikan Singapura menolak beberapa syor Malaysia.